

GERAKAN ATEIS DALAM KERANGKA TAFSIRAN PERKARA 11 (4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Zul-kifli Bin Hussin

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Bukit Chandan,

33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

Email: zul-kifli@usas.edu.my

Nurain Ab Hamid

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai

71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail: ainurjannah44@gmail.com

ABSTRAK

Semua agama terutamanya Islam percaya dan yakin bahawa alam tidak terjadi dengan sendiri. Namun, Ateis berpandangan sebaliknya. Ringkasnya, Ateis menolak kewujudan Pencipta alam. Gerakan ini semakin rancak menyebarkan doktrin mereka dalam media baharu. Langkah pencegahan cuba diambil dengan cadangan untuk mengenakan sekatan melalui peruntukan dalam Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan, Akta Hasutan 1948 dan pelanggaran terhadap prinsip Rukun Negara. Sebahagian pula mentafsirkan bahawa Perkara 11 (4), membenarkan mereka untuk tidak beragama. Justeru, artikel ini berhasrat untuk menilai tafsiran Perkara 11 (4) berdasarkan literatur-literatur sekunder menurut kerangka kajian kualitatif. Data yang terkumpul seterusnya akan dianalisis secara analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati bahawa tiada tafsiran jelas kepada gerakan Ateis. Walau bagaimanapun, sumber literatur menunjukkan bahawa kewujudan Perkara 11(4) adalah berasaskan kepada gesaan daripada Raja-Raja Melayu melalui memorandum kepada Suruhanjaya Reid yang menuntut satu peruntukan khusus yang boleh melindungi orang-orang Melayu daripada dimurtadkan dan dipengaruhi oleh ajaran komunis. Komunis dan Ateis memiliki ciri-ciri yang sama dan sepatutnya Perkara 11 (4) terpakai juga ke atas Ateis. Keseluruhan artikel menyimpulkan bahawa terdapat lakuna pentafsiran terhadap peruntukan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan pada masa kini terhadap gerakan Ateis. Dapatan juga menunjukkan bahawa belum terdapat sebarang pendakwaan dalam mana-mana mahkamah di Malaysia.

Kata kunci: *Ab initio*, Ateis, Komunis, Memorandum Raja-raja Melayu, Perkara 11 (4)

ABSTRACT

All religions predominantly Islam believe and assure that nature does not happen by itself. However, Atheists have the opposite perspective. In essence, Atheists repudiate the existence of the Creator of nature. These movements are getting more enthusiastic spreading their doctrines in the new media. Inhibitory measures were taken with the proposal to impose restrictions through provisions in Article 11 (4) of the Federal Constitution, The Sedition Act 1948 and violations of the principles of Rukun

Negara. Some explicate that Article 11 (4), allows them to be non-religious. Thus, this article intends to evaluate the interpretation of Article 11 (4) based on the secondary literatures according to the framework of a qualitative study. The data collected will then be analyzed by content analysis. The findings of the study found out that, there was no clear interpretation of the Atheist movement. However, the literature shows that the existence of Article 11 (4) is based on the elicited of the Council Of Rulers over the memorandum to the Reid Commission which demanded a special provision which can protect the Malays from being converted and influenced by the ideology of communism. Communists and Atheists have the same characteristics and Article 11 (4) should also apply to Atheists. The whole article concludes that there is a *lacuna* of interpretation to the provisions of Article 11 (4) of the Federal Constitution at present against the Atheist movement. The findings also shows that there has been no perpetration in any court in Malaysia.

Keywords: *Ab initio*, Atheist, Communist, Memorandum Majlis Raja-Raja, Article 11 (4)

PENDAHULUAN

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang utama bagi negara Malaysia. Perkara 4 Perkara 4 (1) menyatakan dengan jelas bahawa Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu. Atas prinsip ini, maka peraturan, penggubalan undang-undang, sama ada di negeri mahupun di peringkat persekutuan akan terbatal setakat mana ketidakselarasan tersebut. Contoh terkini yang boleh diambil adalah keputusan Mahkamah Persekutuan pada 25 Februari 2021 yang telah memutuskan bahawa Seksyen 28, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, bagi kesalahan yang melibatkan liwat dalam kes Iki Putra bin Mubarrak lawan Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] MLJU 211) sebagai tidak berperlembagaan (*unconstitutional*) dan tidak sah. Enakmen jenayah Islam Negeri Selangor (EJSNS) 1990

Berdasarkan Perkara 11(4), dapatlah difahami bahawa Perlembagaan sentiasa membuka ruang kepada perubahan, pindaan dan penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada bagi menjamin terlaksananya keadilan. Harus diakui juga bahawa undang-undang memang sengaja dibiarkan kabur dan samar. Kabur dan samar bukan bermaksud tidak jelas dan langsung tidak difahami. Sebaliknya ia bermaksud pemahamannya boleh difahami bergantung bagaimana cara ia ditafsirkan.. Tujuannya antara lain bagi membuka ruang agar ia kekal relevan mendepani cabaran dan isu-isu semasa. Seandainya ia digubal secara spesifik, maka ia lebih sesuai dalam keadaan tersebut sahaja. Hal ini tentu menyukarkan perjalanan proses perundangan kerana ia mendorong kepada pindaan demi pindaan. Tidak hairanlah didapati bahawa pindaan jarang dilaksanakan melainkan jika tiada undang-undang khusus untuk menanganinya. Selagi undang-undang sedia ada mampu diimplimentasikan ke atasnya, maka tiada keperluan kepada penggubalan undang-undang baharu. Pendekatan inilah yang sentiasa diambilkira oleh penggubal Perlembagaan. Penggubal Perlembagaan akan mempertimbangkan empat perkara ketika penggubalan sesuatu undang-undang. Menurut Shively dalam Faizal S. Hazis (2015),

empat faktor utama yang dimaksudkan adalah ialah kekaburan, tradisi yang berpanjangan, pindaan dan pembahagian kuasa.

Menurut Faizal (2015), “Perlembagaan hendaklah bersifat kabur atau samar. Jika peruntukan Perlembagaan dinyatakan secara spesifik dan terperinci, ia akan sukar untuk diadaptasi” (hal. 5). Beliau turut membawa contoh pada tahun 1951, di Amerika Syarikat apabila Penggubal undang-undang daripada Parti Republikan telah memperkenalkan peruntukan perlembagaan yang menghadkan penggal Presiden kepada hanya dua penggal. Alasan penggubalan adalah kerana tidak berpuashati dengan tindakan Franklin Roosevelt daripada Parti Demokrat yang memegang jawatan presiden lebih daripada dua penggal. Namun, ketika giliran Dwight Eisenhower, seorang presiden Republikan yang popular ingin disambung terus menjadi presiden bagi penggal yang ketiga, peruntukan Perlembagaan yang baharu tersebut menghalang mereka daripada berbuat demikian. Berdasarkan contoh ini, Perlembagaan tidak wajar diperincikan kerana ia menghalang ruang kepada fleksibiliti dalam tafsirannya. “Tanpa fleksibiliti, perlembagaan tidak akan bersifat relevan dengan peredaran zaman”(2015, hal. 43). Tafsiran adalah suatu kemestian lantaran peruntukkan tersebut tidak merangkumi semua kemungkinan dan makna bagi setiap perkataan juga sering berubah sesuai dengan peredaran masa (Finch & Fafinski, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan atau *research* adalah gabungan dua patah perkataan ‘*re*’ dan ‘*search*’, iaitu pendekatan penyelidikan bersistematik untuk mendapatkan pengetahuan baharu daripada fakta sedia ada (Bairagi & Munot, 2019). Dalam mana-mana penyelidikan, perkara yang perlu dibincangkan di bawah metodologi kajian ialah rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dalam konteks artikel ini, pemilihan reka bentuk kualitatif berasaskan kajian kes jenis eksploratori (Cohen et al., 2000) dilihat sesuai kerana banyak perkara yang tidak mampu dijawab dengan merujuk kepada data numerikal (Rozmi Ismail, 2016) khususnya untuk mengkaji tafsiran Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan Terhadap Gerakan Ateis. Di samping itu, kajian kualitatif lebih “menekankan kepada deskriptif, induktif, pembinaan asas teori (*grounded theory*) dan kajian ke atas bagaimana manusia memberi makna kepada kehidupan mereka” (Rozmi Ismail, 2016, hal. 64). Pengumpulan data melibatkan data bersifat sekunder, iaitu melibatkan segala jenis dokumentasi sama ada berbentuk akta, tafsiran kepada akta, audio dan sebagainya. Penumpuan kepada tafsiran Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan dan perbincangan kepada gerakan Ateis adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan atau disebut juga sebagai *intentional sampling* atau *judgement sampling*. Ketiga-tiganya membawa maksud yang sama, iaitu sampel kajian dipilih berasaskan kepada pertimbangan penyelidik (Cohen et al., 2000) tentang maklumat yang diinginkan oleh penyelidik dalam artikel ini. Data seterusnya akan dianalisis menggunakan pendekatan interpretif, iaitu pendekatan yang difahami daripada apa yang difahami tentang fenomena (Mohd Awang et al., 2019). Hal ini diperolehi melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*) bagi mendapatkan dapatan sedia ada dan menggunakan analisis tematik bagi mendapatkan dapatan baharu di antara fahaman komunis dan gerakan Ateis dan hubungkaitnya dengan Perutukan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

GERAKAN ATEIS POLEMIK PERUNDANGAN

Negara berpenduduk berbilang agama, budaya, adat resam dan kepercayaan seperti Malaysia, tidak dapat lari daripada terlibat dengan perselisihan antara kaum dan agama. Justeru, Perlembagaan awal-awal lagi menjamin kebebasan beragama kerana agama merupakan isu utama yang paling sensitif bagi setiap orang. Penghinaan ke atas dirinya mungkin boleh dikawal, namun jika agamanya dihina, nyawapun sanggup dikorbankan. Dalam soal kebebasan beragama, Malaysia secara jelas menjunjung tinggi kebebasan beragama. Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan jelas memaktubkannya. Tidak cukup dengan itu, Perkara 11 (1) pula menegaskan bahawa “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya”. Perkara 11 (4) menyatakan Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.”

Menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2021), doktrin boleh didefinisikan sebagai prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima. Jika dikatakan bahawa mendoktrinkan bermaksud menerapkan atau menanamkan sesuatu doktrin (untuk dijadikan pegangan).

Peruntukan tersebut tidak lain tidak bukan bertujuan membuat beberapa penegasan. Pertama, ia terbina hasil daripada elemen tradisi berpanjangan. Elemen-elemen tradisi berpanjangan merupakan faktor utama yang tidak dapat dinafikan oleh penggubal kepada Perlembagaan Persekutuan (Faisal, 2015). Kedua, nilai *tasamuh* (toleransi) dalam beragama yang dicerminkan oleh Raja-raja Melayu dan pimpinan Islam ketika itu terhasil daripada falsafah agama Islam itu sendiri (Al-Baqarah, 2:286) (Zul-kifli, 2013). Jika Perlembagaan yang diadaptasi daripada *Common Law* ini turut mengambil kira elemen-elemen tradisi masyarakat Malaysia, maka prinsip ini juga wajar dihayati oleh semua peringkat masyarakat yang berdomisili dan berwarganegaraan Malaysia. Kebebasan beragama bukanlah jaminan bahawa semua orang bebas melakukan apa sahaja yang diinginkan kononnya ia juga sebahagian daripada kebebasan beragama. Namun kebebasan beragama mestilah tidak mengetepikan semangat *tasamuh* yang diamalkan oleh penduduk asal negara ini. Dengan adanya semangat ini, maka suasana harmoni akan dapat dikecapi.

Pelanggaran kepada prinsip kebebasan dengan mengatasnamakan kebebasan bersuara atau kebebasan beragama tidak boleh dipandang ringan. Kelompok ini menggelarkan diri mereka sebagai bekas muslim dan memiliki cawangan di Malaysia dengan nama *The Atheist Republic Consulate of* Kuala Lumpur (YADIM, 2017). Secara definisinya, Ravi Zacharias dalam karyanya yang berjudul *The Real Face of Atheism* menyatakan bahawa “*atheism is the doctrine of belief that there is no God*” (2004, p. 50). Dari etimologi Ateis pula menurut Bremmer dalam Steven Kettle (2016) berasal daripada perkataan Greek ‘*atheos*’ yang bermaksud ‘*godless*’ atau “*without gods*”. Menurut Irfan Habibie Martanegara et al. (2019), tokoh Ateis yang kerap menyerang agama dan membandingkannya dengan sains adalah Richards Dawkins, seorang profesor biologi dari Universiti Oxford, seorang penulis prolific dan kerap muncul menyampaikan ucapan dalam radio dan televisyen.

Hakikatnya, doktrin tidak bertuhan ini menjadi ancaman baharu kepada Malaysia. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) memetik gesaan mufti Kerajaan Negeri Sembilan menggesa tindakan tegas perlu dilakukan supaya doktrin Ateis tidak berleluasa sehingga tidak dapat dikawal. Ateis adalah antara golongan yang telah merebut peluang teknologi maklumat dan komunikasi secara aktif bagi melebarkan pegangan mereka. Mereka merupakan kumpulan yang aktif dalam media baharu dengan memperkenalkan karya-karya mereka kepada masyarakat (Muhamad Faisal & Siti Hanisah, 2018). Menurut Faisal dan Siti Hanisah (2018), “Warung *Atheist*” dipercayai diminati oleh orang Malaysia lantaran medium utamanya berbahasa Melayu dan amat menakutkan apabila data menunjukkan bahawa pada bulan Mac 2018 sahaja, ia telah disertai oleh 5077 ahli. Perkembangan ini dipercayai berpunca daripada keinginan kepada kebebasan tanpa sempadan lantaran agama dilihat sebagai penuh dengan peraturan, sekatan, pantang larang dan tidak rasional. Tuhan dianggap sebagai sesuatu yang mengganggu kebebasan manusia (Karen, 1998).

Kegusaran yang sama turut disuarakan oleh Siti Mariah Mahmud dalam sidang Parlimen. Penyata Rasmi Parlimen Bilangan 53 (2017), memuatkan jawapan Asyraf Wajdi Dusuki terhadap soalan Siti Mariah Mahmud tentang tindakan kerajaan terhadap golongan ini. Asyraf menegaskan bahawa:

...kerajaan menyedari dan berpandangan bahawa ideologi ini bercanggah dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan dan perlu disekat daripada menyerang akidah umat Islam. Kerajaan sentiasa komited dengan mengambil langkah-langkah yang serius dalam membendung dan menangani isu-isu yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah demi kesejahteraan rakyat negara dan negara Malaysia. Hal ini kesalahan berkaitan dengan akidah dan kesucian agama Islam telah diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri dan ini selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. (hal. 13).

Jika disorot tujuan sebenar Pengwujudan Rukun Negara, maka ada baiknya disorot pandangan menurut Abdul Razak Hussien (1971),

Rahsia kesempurnaan Rukun Negara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna.... adalah mustahak Rukun Negara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-taip perkataan dan kalimat Rukun Negara itu benar-benar menjadi darah daging (Abdul Razak Hussien, 1971). (Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia)

Melihat kepada jawapan Asyraf tersebut, dapat dirumuskan bahawa gerakan Ateis tidak seharusnya dibiarkan kerana ia mengancam dan melanggar prinsip kedaulatan undang-undang. Membiarkan mereka bebas menyuarakan pandangan umpama membiarkan mereka menguasai Perlembagaan dan undang-undang. Hakikatnya, negara yang berdaulat tentunya memiliki peraturan dan undang-undang bagi mengawalselia dan menyekat sebarang tingkahlaku yang berpotensi menggugat kestabilan negara dan masyarakat. Kuasa negara tidak boleh diambil oleh

mana-mana pihak. T.S.R Allan dalam karya beliau yang berjudul *The Sovereignty of Law Freedom, Constitution, and Common Law* menegaskan bahawa “sovereignty means that a state is independent and not under the authority of another state or ‘community’.” (Allan, 2013, hal. 9). Membiarkan gerakan ini meneruskan agenda mereka samalah seperti membiarkan “community” ini mencorakkan negara. Hal ini tidak boleh dibenarkan kerana lambat laun akan mengancam kelangsungan keharmonian sesebuah negara. Malahan dalam *hansard* Parlimen juga dinyatakan bahawa mereka semakin berani dengan mempromosikan aktiviti mereka di dalam *facebook* (*Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat*, 2017). Tindakan ini boleh dianggap sebagai tindakan provokasi kepada masyarakat beragama.

Asyraf Wajdi Dusuki juga berhujah bahawa Ateisme adalah ‘tidak berperlembagaan’ (*unconstitutional*) kerana Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama dan tidak membenarkan kebebasan tidak beragama (*freedom of religion is not freedom from religion*). Seterusnya beliau juga menyifatkan Ateisme sebagai kumpulan yang berbahaya dengan menyatakan bahawa Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan penyebaran agama, kepercayaan atau doktrin lain kepada orang Islam di Malaysia. Sekiranya ada pihak mencuba untuk menyebarkan ideologi, doktrin atau menyangkal kesucian agama-agama lain sepertimana Ateis boleh disabitkan di bawah Akta Hasutan 1948.

Pandangan Asyraf ini dibantah oleh Presiden Majlis Peguam, George Varughese (ketika itu) yang menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan turut melindungi kebebasan untuk tidak beragama dan membenarkan seseorang menjadi Ateis (Malaysiakini, 2017). Beliau menjelaskan bahawa hak kebebasan seseorang untuk menganut, mengamalkan dan menyebarkan agama masing-masing yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan adalah sama kebebasannya untuk tidak menganut, mengamalkan apa-apa agama dan menyebarkan ideologi, kepercayaan atau amalan (Muhammad, 2017). Malaysiakini juga melaporkan bahawa pandangan pendirian George Varughese ini turut disokong oleh peguam seperti Syahredzan Johan, Fadiah Nadwa Fikri dan Eric Paulsen.

Walau apapun pandangan dan bantahan, sehingga artikel ini ditulis, belum terdapat sebarang kes Ateis dirujuk ke Mahkamah.

TAFSIRAN PERKARA 11 (4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11 menyatakan bahawa setiap orang di Malaysia berhak menganut, mengamalkan dan menyebarkan agama. Perkara 11 boleh dikaitkan dengan Perkara 3 kerana Perkara 11 jelas memberi keistimewaan kepada orang-orang Islam. Perkara ini jelas kelihatan dalam fasal 4 yang melarang penyebaran agama-agama selain Islam kepada orang Islam. Walaupun kebebasan beragama dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan, ia tidak dihuraikan dengan jelas. Menurut Abdul Aziz Bari (2005), larangan menyebarkan agama-agama lain kepada orang Islam secara langsung menunjukkan kelebihan yang diberikan kepada Islam berbanding agama-agama lain. Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan,

Undang-undang negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.

Menurut Shamrahayu Aziz (2018), Perkara 11 (4) memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk mengawal atau menyekat sebarang pengembangan kepercayaan agama atau doktrin dalam kalangan orang-orang Islam. Walaupun tujuan peruntukan ini tidak dijelaskan dalam Perlembagaan, alasannya telah disuarakan oleh Raja-Raja Melayu ketika itu melalui Memorandum baginda kepada Suruhanjaya Reid. Dalam Memorandum tersebut, Raja-Raja Melayu mahukan satu peruntukan khusus yang boleh melindungi orang-orang Melayu daripada dimurtadkan dan dipengaruhi oleh ajaran omunis. Menurut Shamrahayu (2018) lagi, ajaran Komunis menafikan eksistensi Tuhan.

Menafikan prinsip ketuhanan bermakna menafikan kewujudan agama kerana setiap agama mempercayai kewujudan Tuhan. Bagi orang Islam, tiada ada bezanya di antara menafikan Allah atau mengakui adanya Tuhan selain Allah kerana sama-sama menolak konsep Ketuhanan atau *Rububiyah*.

Shamrahayu Aziz seterusnya menambah bahawa hasrat Raja-Raja Melayu bertujuan menyekat pengembangan ideologi komunisme dalam kalangan orang Melayu. Dengan peruntukan yang jelas di dalam Perkara 11 (4) ini dapat ditafsirkan sebagai melindungi orang-orang Islam daripada apa jua fahaman yang boleh membawa mereka kepada kekufuran tanpa mengira apa jua ideologi atau doktrin.

Laporan Awani (Awani, 2017) bertajuk 'Ateisme Perlu dicegah' turut memetik pandangan Shamrahayu A. Aziz yang menyatakan bahawa doktrin Ateis ini jika dibiarkan tersebar boleh menjejaskan pandangan orang Islam ataupun menjejaskan hubungan antara orang Islam dengan mereka yang tidak menganut agama. Katanya, "ini melanggar sistem perundangan negara kerana undang-undang melarang sebarang penyebaran doktrin yang tidak berasas kepada prinsip-prinsip Islam".

PEMETAAN SEKATAN ANCAMAN FAHAMAN KOMUNIS DAN GERAKAN ATEIS

Berpandukan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa satu-satunya kerangka yang boleh mengukur dan menilai sama ada gerakan dan fahaman Ateis menyanggahi Perkara 11 (4) atau tidak adalah dengan membuat pemetaan dengan fahaman Komunis. Jika diamati Memorandum Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid, maka dapatlah difahami bahawa ancaman Ateis juga tidak jauh bezanya dengan ancaman Komunis. *Inter alia*, kedua-duanya menolak kewujudan agama sekaligus menafikan kewujudan Allah. Kedua-dua bercanggah dengan Rukun negara lantaran Rukun Negara pertama dinafikan oleh kedua-dua fahaman ini. Selain itu, kedua-duanya juga berpotensi mencetuskan suasana tidak tenteram dalam kalangan penganut Islam dan juga penganut pelbagai agama. Maka tidak hairanlah jika Asyraf Wajdi dengan tanpa ragu-ragu mengklasifikasikan Ateis di bawah Akta Hasutan 1948. Kedua-dua gerakan ini juga secara tidak langsung mengajak orang Islam untuk murtad dan ini seharusnya

tidak dibenarkan kerana jelas bertentangan dengan prinsip Islam berkaitan pentingnya penjagaan agama (*hifz al-din*).

Jika golongan yang berpandangan bahawa Perkara 11 (4) juga membawa maksud seseorang berhak untuk tidak beragama, maka hujah ini dilihat terlalu dangkal dan gagal kerana dua alasan. Pertama, gagal memahami maksud sebenar perletakan Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Kedua, gagal untuk memahami nilai agama bagi orang Islam. Secara terang lagi bersuluh apa yang disuarakan oleh Raja-Raja Melayu adalah untuk memastikan orang Melayu tidak dimurtadkan. Memberi tafsiran kepada kebebasan untuk tidak beragama, jelas sangat bertentangan dengan falsafah peruntukan Perkara 11 (4) yang melarang pengembangan apa-apa agama dan doktrin kepada orang Islam.

Sebagaimana dibincangkan pada awal artikel ini tentang sifat Perlembagaan iaitu kabur, maka seharusnya apa yang melatarbelakangi kewujudan Perkara 11 (4) sudah cukup untuk memberi tafsiran bahawa Ateis adalah fahaman yang bercanggah dengan Perkara 11(4). Memberi tafsiran selain daripada apa yang dikehendaki oleh Memorandum Raja-Raja Melayu seolah-olah mengabaikan maksud kewujudan peruntukan tersebut. Mengabaikan fakta ini ibarat menganggap agama itu tidak penting bagi orang Islam. Selain itu, tafsiran ini tidak boleh dibenarkan kerana jelas bertentangan dengan beberapa keputusan mahkamah yang memberi tafsiran yang jelas terhadap kedudukan Islam di dalam Perlembagaan. Meletakkan Islam pada kedudukan tertinggi tidak bermakna menafikan kewujudan dan kebebasan kepada agama-agama lain dalam menjalankan kewajiban agama mereka. Hakikatnya, ia meletakkan kedudukan agama-agama lain pada kedudukannya yang sebenar.

Apa yang cuba disampaikan oleh Asyraf Wajdi belum difahami oleh George Varughese dan rakan-rakan seangkatannya. Mereka dilihat belum memahami akan pentingnya agama kepada orang Islam. Tanpa meletakkan Islam di dalam Perlembagaan pun, Islam tetap penting bagi orang Islam apatah lagi jika ia sememangnya termaktub di dalam Perlembagaan. Dengan perkataan lain, pentingnya Islam kepada orang Islam adalah *ab initio* bukan kerana ia berada di dalam Perlembagaan.

Berikut dibawakan dua jadual pemetaan tafsiran dan pemetaan jadual perbandingan Ateis dan Komunis. Jadual 1.1 berkaitan pemetaan tafsiran perkara 11(4), manakala Jadual 1.2. berkaitan pemetaan fahaman Ateis dan Komunis.

Jadual 1.1: Pemetaan Tafsiran Perkara 11 (4) Terhadap Komunisme dan kedudukan Ateis

Bil	PERUNTUKAN/PRINSIP	PANDANGAN (RAJA-RAJA MELAYU/PAKAR PERLEMBAGAAN/AHLI POLITIK/ PEGUAM/AHLI AKADEMIK)	GERAKAN/FAHAMAN/DOKTRIN	
			KOMUNIS	ATEIS

1	Perkara 11 (4)	Memorandum Raja-raja Melayu	√	
		Shamrahayu A. Aziz		√
		Asyraf Wajdi Dusuki		√
		George Varughese, Syahredzan Johan, Fadiah Nadwa Fikri dan Eric Paulsen		x
2	Akta Hasutan 1948	Asyraf Wajdi Dusuki		√
		George Varughese, Syahredzan Johan, Fadiah Nadwa Fikri dan Eric Paulsen		-
3	Rukun Negara (Kepercayaan Kepada Tuhan)	Shamrahayu A. Aziz		√
		Asyraf Wajdi Dusuki		√
		George Varughese, Syahredzan Johan, Fadiah Nadwa Fikri dan Eric Paulsen		-



= Bercanggah



= Tidak Bercanggah

Melihat kepada Jadual Pemetaan 1.1 di atas, pandangan Asyraf Wajdi nampak selari dan konsisten dengan maksud dan intipati yang disuarakan oleh Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid. Sebagaimana yang difahami, ajaran komunis menafikan konsep ketuhanan. Perkara yang dibimbangi oleh Raja-Raja Melayu ialah berlakunya pengembangan ideologi sebegini dalam kalangan orang Melayu. Bukan rahsia lagi bahawa Ateis tidak percaya kewujudan Tuhan. Menurut Julian Baggini (2013) dan Irfan Habibie (2019) Ateis bersandar kepada dasar materialisme, naturalisme, fizikalisme dan rasionalisme. Fahaman Komunis juga adalah fahaman yang menolak konsep ketuhanan (Barbara Ward, 1982). Oleh hal yang demikian, fahaman Komunis dan Ateis adalah sama yang mana kedua-duanya menolak konsep *Rububiyah*.

Penghujahan Asyraf Wajdi dengan mengaitkan Ateis dengan Rukun Negara kena pada tempatnya dengan disokong oleh amanat Abdul Razak Hussien seperti yang diungkapkan di atas.

Jadual 1.2: Pemetaan Fahaman Ateis dan Komunis

		ATEIS	KOMUNIS
1	Mengancam Keharmonian (menimbulkan provokasi)	√	√
2	Memurtadkan orang Islam	√	√
	Ancaman kepada orang Islam dan Bukan Islam	√	√
3	Menolak kewujudan agama sekaligus menafikan kewujudan Allah	√	√

4	Merosakkan pemikiran umat Islam	√	√
5	Berpotensi mewujudkan banyak perbalahan antara masyarakat	√	√
6.	Menafikan <i>Rububiyah</i> dan <i>Sam'iyat</i>	√	√
7.	Mengubah sosio-budaya masyarakat Malaysia	√	√

Dalam jadual 1.2 pula, dapat dirumuskan bahawa penyebaran fahaman Ateis dan komunis adalah sama dari semua aspek. Golongan ini bermatlamat menyebarkan doktrin mereka dengan menimbulkan pelbagai keraguan tentang kepercayaan dalam soal akidah umat Islam dengan pemikiran logik sekaligus mengeneipkan elemen *sam'iyat*. Justeru, mereka yang kurang pengetahuan ilmu akidah akan mudah terpedaya.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas membuktikan bahawa peruntukan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan dibina atas alasan untuk melindungi orang-orang Islam daripada ancaman murtad dan dipengaruhi oleh fahaman atau kepercayaan selain daripada Islam melalui memorandum Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid. Tanpa diragui lagi bahawa fahaman komunis menjadi pengukur dalam menentukan apa-apa fahaman atau doktrin yang menyanggahi Perkara 11 (4). Hal ini kerana, itulah satu-satunya asas kepada perletakan peruntukan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. Justeru, fahaman Ateis dari aspek filosofinya didapati seiras dan selari dengan fahaman komunis. Jika komunis memberi ancaman kepada masyarakat Malaysia, maka Ateis juga perlu dianggap sebagai ancaman dan berbahaya. Malahan tanpa disedari, fahaman Ateis sedang melebarkan fahamannya khususnya dalam media sosial. Memahami kebebasan beragama sebagai bebas untuk tidak beragama umpama menganggap agama tidak penting dan tafsiran yang amat jauh menyimpang daripada maksud asal agama.

BIBLIOGRAFI

Abdul Razak, H. (1971). *Ucapan Perhimpunan Pergerakan Kaum Ibu dan Pemuda UMNO*.

chromeextension://oemmdcbldboiebfnladdacbfmadadm/http://lib.perdana.org.my/P
 LF/Digitisation_MTAR/MTAR_Speech/old%20document/Ucapan%20TAR%201971/
 Ucapan%20PM%20dan%20Yang%20Dipertua%20UMNO%20Malaysia%20di%20Pe
 rhimpunan%20Pergerakkan%20Kaum%20Ibu%20dan%20Pemuda%20UMNO%20di
 %20Dewan%20Bahasa%20dan%20Pustaka,%20Kuala%20Lumpur%20pada%2022hb
 %20Januari,%201971.pdf

- Aziz, A. R. (2010). Rukun Negara dalam Memperkukuhkan. *Political Managements and Policies in Malaysia* (pp. 443-457). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Allan, T. R. S. (2013). *The Sovereignty of Law: Freedom, Constitution, and Common Law* (First edition). Oxford University Press.
- Awani. (2017). *Ateisme Perlu Dicegah*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ateisme-perlu-dicegah-dr-shamrahayu-161170>
- Bairagi, V., & Munot, M. V. (Eds.). (2019). *Research methodology: A practical and scientific approach*. CRC Press, Taylor and Francis Group.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education*. RoutledgeFalmer.
- Faisal, S. H. (2015). *Perlembagaan Persekutuan: Asas Utama Hubungan Etnik*. Wawasan Open Univesiti.
- Faisal. (2018). Perbincangan berkaitan Agama dan Ketuhanan dari Facebook "Warung Atheist" dari Perspektif Logik dan Emosi. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* .
- Finch, E., & Fafinski, S. (2016). *English Legal System*. Pearson Education Limited.
<http://public.ebookcentral.proquest.com/choice/publicfullrecord.aspx?p=5137772>
- Irfan Habibie, M., Husaini, A., & Syafrin, N. (2019). Pengaruh worldview ateis terhadap teori evolusi. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(1), 146.
<https://doi.org/10.32832/tadibuna.v8i1.1881>
- Julian Baggini. (2003). *Atheism: A very Short Introduction*. United States, New York: Oxford University Press.
- Karen, A. (1998). *A History of God: The 4000-Year Quest of Judaism, Christianity and Islam*. Ballantine.
- Kettell, S. (2016). *What's really new about new atheism?* Palgrave Communications.

- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Religious Tolerance in Malaysia: An Overview. *Middle-East Journal of Scientific Research* 9(1), 23-27.
- Muhammad, A. (2017, November 25). *Tangani Ateisme dengan Debat bukan Undang-undang*. Retrieved from Malaysia Kini: <https://www.malaysiakini.com/news/403330>
- Muhamad Faisal Ashaari, S. H. (2018). Perbincangan berkaitan Agama dan Ketuhanan dalam Facebook "Warung Atheist" dari Perspektif Logik dan Emosi. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 65-79.
- Malaysiakini. (2017). *Peguam: Kebebasan beragama termasuk kebebasan tak beragama*.
Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/403253>
- Mohd Awang, I., Mohd Sobhi, I., Azanin, A., & Aszunarni, A. (2019). *Penyelidikan Sains Sosial: Aplikasi Teori dan Metodologi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Faisal, A., & Siti Hanisah, S. (2018). *Perbincangan Berkaitan Agama Dan Ketuhanan Dalam Facebook "Warung Atheist" Dari Perspektif Logik Dan Emosi*. 15, 16.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat* (Bilangan 53 Parlimen Ketiga Belas Penggal Kelima Mesyuarat Ketiga; Bilangan 53, p. 137). (2017). Dewan Rakyat. <chrome-extension://oemmndcbldboiebfnladdacbfmadadm/https://parlimen.gchrome-extension://oemmndcbldboiebfnladdacbfmadadm/https://parlimen.gov.my/files/hinde x/pdf/DR-23112017.pdf>
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamrahayu A. Aziz. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Penerbit IKIM.
- Steven, K. (2016). What's really new about New Atheism? *Palgrave Communications*, 2(1), 16099. <https://doi.org/10.1057/palcomms.2016.99>

YADIM, E. (2017, August 9). Bendung ateis sebelum terlambat: Mufti. *Yayasan Dakwah*

Islamiyah Malaysia. <https://www.yadim.com.my/v2/bendung-ateis-sebelum-terlambat-mufti/>

Zacharias, R. (2004). *The Real Face of Atheism*. Baker Books.

<https://public.ebookcentral.proquest.com/choice/publicfullrecord.aspx?p=5249610>

Zul-kifli, H. (2013). *Tasamuh Dalam Undang-Undang Jenayah Islam: Satu Kajian Terhadap*

Persepsi Pelajar-Pelajar Bukan Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam

(IPTA) Di Malaysia [Universiti Sains Malaysia]. chrome-

extension://oemmndcblldboiebfnladdacbfmadadm/http://eprints.usm.my/44038/1/Zul-

Kifli%20Bin%20Hussin24.pdf